

Jual tanah: Kerajaan diminta ambil perhatian berat

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PULAU PINANG, Selasa — Kerajaan digesa mengambil perhatian berat untuk mengatasi masalah penjualan tanah-tanah orang Melayu yang semakin serius sekarang di beberapa buah negeri.

Bekas Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang Ustaz Mohamed Musa Yatim memberitahu hari ini, langkah seperti itu perlu diambil oleh kerajaan untuk menyekat dari berlaku perbuatan penjualan tanah-tanah orang Melayu.

Ustaz Mohamed Musa menegaskan demikian semasa mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Jitra semalam mengenai masalah tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir antara lain menyatakan, orang-orang Melayu akan kerugian jika mereka menjual tanah kepunyaan mereka sedangkan orang lain mendapat keuntungan yang berlipatkali ganda.

Ustaz Mohamed Musa berkata, tindakan positif perlu bagi menghalangi orang-orang Melayu dari terus berbuat demikian.

Beliau berkata, penjualan tanah-tanah orang Melayu dapat dielakkan dengan tindakan tegas dari kerajaan untuk menghalanginya.

Ustaz Musa kesal kerana orang-orang Melayu turut menjadi broker menjual tanah-tanah orang Melayu sendiri. Perbuatan seperti ini, menurutnya, akan memburukkan lagi keadaan dan masalah tersebut.

Mengenal bantuan subsidi kopon dari \$2.00 kepada \$10 Ustaz Musa berkata, langkah tersebut memang wajar dan akan melegakan para petani di negara ini.

Beliau berharap kerajaan akan menimbang untuk meningkatkan lagi harga padi dari yang ada sekarang memandangkan kos perbelanjaan mengusahakan sawah padi mereka telah kian meningkat.

Beliau berharap kerajaan sedia menimbang untuk meningkatkan harga padi selepas ini.